



**DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM
PENGAL 1 SEMESTER 1 2009**

PEPERIKSAAN PENGAL PERTAMA

**EL 6023 : TASAWWUR ISLAM 2
KERTAS 2**

Tarikh: 21 Mac 2009

Masa: 3.30 – 4.30 petang

Nama : MUHAMMAD HASANOL ARIFFEN BEN ZAWAWI

No. Matrik : YS 001-006-2006

MUKA DEPAN

ARAHAN KEPADA CALON

1. Jangan buka kertas soalan sehingga diberi arahan oleh pengawas.
2. Tuliskan nama dan nombor matrik anda dengan jelas pada tempat yang telah disediakan. Tuliskan juga nama anda pada setiap kertas jawapan anda.
3. Untuk kertas ini, anda **TIDAK BOLEH** merujuk kepada buku atau nota. Baca setiap soalan dengan teliti dan jawab dengan baik mengikut apa yang dikehendaki.
4. Terdapat tiga (3) soalan di dalam kertas ini. Anda dikehendaki menjawab hanya dua (2) soalan sahaja.
5. Mulakan jawapan anda bagi setiap soalan pada muka surat yang baru.
6. Kertas soalan ini mengandungi dua (2) muka surat (termasuk muka depan)

Soalan	Markah Penuh	Markah Dapat
1	25	<i>25</i>
2	25	25
3	25	25
Jumlah	50	50
T. Tangan Pemeriksa:	<i>[Signature]</i>	
T. Tangan Penyemak:		

Jawab dua soalan sahaja. Setiap soalan mengandungi 25 markah.

1. Talaq adalah perkara yang dihalalkan dalam Islam namun dibenci oleh Allah SWT.
 - i. Jelaskan 3 kesan buruk dari perceraian.
 - ii. Senaraikan 4 hukum menjatuhkan talaq.
 - iii. Berikan perbezaan antara Talaq Raj'i dan Talaq Bain.

2. Muamalat Islam adalah semua hukum syariat yang bersangkutan dengan urusan Duniawi.
 - i. Berikan pengertian Muamalat dari sudut bahasa dan Istilah Syar'i.
 - ii. Tuliskan dalil Al-Quran yang menyokong pensyariatian Muamalat Islam.
 - iii. Jelaskan 3 ciri Muamalat Islam.

3. Perundangan Islam dibentuk khusus demi menjaga kemaslahatan manusia dan menghindarkannya dari terkena sebarang kemudaratan.
 - i. Jelaskan bagaimana perundangan Islam menjaga Kulliyat Al-Khamsah.
 - ii. Senaraikan dasar-dasar perundangan Islam berserta dalil.

i) Mu'amalat dari sudut bahasa ialah ^{berinteraksi dengan orang lain} ~~perhubungan~~. Dari sudut istilahnya, mu'amalat ialah ~~perhubungan~~ hubungan sesama manusia untuk mendapatkan 'keperluannya' ~~seiring~~ dengan syarat dan keredhaan Allah.

ii) "~~Allah~~ Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba." (Al-Baqarah : 275)

Dalil yang menunjukkan penyarifan jual beli juga disokong dalam sunnah Rasulullah.

iii) Ciri yang pertama untuk mu'amalat ialah ia menegakkan keadilan, kerana ia memelihara hak kedua-dua penjual dan pembeli. Sebagai contoh, diharamkan menjual dengan cara sentuh-menyetuh atau campak-mencampak tanpa melihat kepada barang yang ingin ditukarkan untuk memelihara hak pembeli yang membeli barang itu. ^{dipenyarifatkan} Juga ~~diharamkan~~ khayar aib di mana pembeli boleh mendapatkan wangnya kembali ~~ut~~ jika dapat membuktikan bahawa ada kecacatan yang sedia ada pada barang tersebut. Tambahan pula, dilarang perbuatan monopoli yakni perbuatan menyimpan

sesuatu keperluan sehinggalah ketandusan keperluan itu untuk memanfaatkan si penjual yang boleh menjualkannya pada harga yang mahal.

Oleh itu, hak penjual juga dipelihara. ~~Ena~~ Sebagai contoh, penjual mempunyai hak mutlak terhadap modal dalam tempahan ataupun jual beli salam. Penjual juga dipelihara haknya dengan tidak diterima kembali sesuatu barang yang sudah dijual tetapi rosak dan tidak dapat dibuktikan bahawa kerosakan itu sedia ada. Juga diherankan menuntut perfolan penjual ke pasar untuk memberi peluang kepada pembeli yang menipu untuk mendapatkan barang itu pada harga yang murah.

Salah satu muamalat Islam ialah ia berdasarkan hubungan suka sama suka dan penuh keredhaan dan hormat antara satu sama lain. Sebagai contoh, khuyar diyaratkan kepada kedua-dua penjual dan pembeli agar diberikan pilihan samada ingin membatalkan kontrak jual beli dalam tempoh tidak melebihi tiga hari. Ini adalah untuk benar-benar memastikan bahawa kedua-dua pihak benar-benar redha terhadap sked jual beli yang dimeterai. Selain itu, ~~apart~~ salah satu syarat sah kontrak jual beli ialah pihak yang menjual dan membeli bukan dalam keadaan terpaksa.

Jawapan No : 2

Siri ketiga muamalat Islam ialah ia memupuk rasa kasih sayang dan kebajikan dalam hal ehwal kewangan. Justeru, disunatkan agar banyak bersedekah untuk agar kesalahan ataupun ketidakadilan yang tidak disengajakan dalam jual beli dipantikan ~~atas~~ ataupun dicekik dengan bersedekah yang secara tidak langsung merupakan kebajikan dan pangsung kepada pelanggan susah.

25

Nama Pelajar : _____

Modul (Subjek) : _____

i Perundangan Islam menfoga Kulliyat Al-Khamsah, ^{yakni} ~~sebagai~~ keperluan ~~seor~~ manusia yang lima iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Sebagai contoh, perundangan Islam mensyaratkan hukum ~~hukuk~~ ^{ridlah} iaitu hukum bunuh terhadap mereka yang murtad setelah diberi peluang bertaubat selama tiga hari. Ini adalah untuk memastikan agar agama itu tidak diperlekehkan dan dipermainkan orang. ~~set~~

Seterusnya, perundangan Islam mensyaratkan hukum bunuh terhadap mereka yang melakukan pembunuhan dengan sengaja, melainkan jika mendapatkan pengampunan dari keluarga ~~atau~~ mangsa pembunuhan yang terlibat. Ini memastikan agar nyawa tidak diancam oleh perkara-perkara yang zalim.

Sementara itu, perundangan Islam juga mensyaratkan hukuman sebat ke atas peninum arak untuk memelihara kepentingan akal, kerana arak itu akan merosakkan akal di mana akal yang mabuk tidak boleh membuat pertimbangan dan tidak boleh memisahkan antara yang baik dengan yang buruk.

Seterusnya, perundangan Islam mensyaratkan hukuman sebat ke atas pesalah laku zina yang belum berkahwin, manakala pezina yang sudah berkahwin dihukum ~~refam~~ hingga mati.

Jawapan No : 3

Ini adalah untuk memastikan agar keturunan dipelihara, bersih dari kekefian zina.

Akhir sekali, Perundangan Islam mensyaratkan hukuman potong tangan terhadap pencuri dan perompak. Ini adalah untuk memelihara kepentingan harta individu dan awam. Perundangan Islam juga mengharamkan apa jua bentuk penipuan dan riba dalam mu'amalat untuk menjaga kepentingan ini.

ii) Ada tiga dasar utama perundangan Islam yang ingin dipelaskan.

Dasar pertama perundangan Islam ialah ~~ia~~ kemudahan kepada mereka yang mempraktikkannya, sesuai dengan firman Allah :

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

"~~Dan~~ Allah menghendaki kemudahan bagi kamu dan bukan kesukahan."

Justeru, perundangan Islam didasari oleh kemudahan mempraktikkannya.

Contohnya, seseorang diberikan rukhsah jika menempuhi kesukaran yang diakui syarak, sesuai dengan fitrahnya.

Dasar kedua ialah bertahap-tahap. Perundangan Islam diturunkan secara bertahap-tahap, sesuai dengan fitrah manusia yang sukar berubah secara serentak.

Nama Pelajar : _____

Modul (Subjek) : _____

Justeru, pengharaman arak dilakukan secara bertahap-tahap. ~~Ditara~~ Dinyatakan dahulu keburukan ^{khamar} arak yang melampaui kebaitkannya. Kemudian diheramkan untuk meminumnya sebelum melakukan solat. Akhirnya dilarang secara mutlak peminuman khamar itu.

1) Dasar ketiga ialah perundangan Islam didasarkan ~~sebagai~~ sebagai rahmat untuk seluruh alam, sebagaimana yang dinyatakan dalam firman Allah:

"Tidak ~~aku~~ Kami utuskan kamu (wahai Muhammad) melainkan sebagai rahmat untuk seluruh alam." Ini adalah kerana perundangan Islam ini ~~atau~~ bertujuan memperbanyakkan maekahat dan menolak mafeadah, sesuai dengan firman yang dinyatakan tadi. Juga boleh difahamkan istilah 'rahmat' itu sebagai kesejahteraan dunia akhirat kerana mengerjakan syariat Islam.